

# PM puji sikap pekerja bawahan TNB P

6.2.92

KUALA LUMPUR, Rabu — Pekerja bawahan Tenaga Nasional Berhad dipuji kerana bersikap lebih bertanggungjawab daripada segolongan pegawai eksekutif dalam Persatuan Eksekutif Tenaga Nasional (PET) berhubung isu tuntutan bonus dan faedah kerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau gembira dengan sikap pekerja bawahan Tenaga Nasional yang menyedari bahawa penswastaan membolehkan mereka mendapat banyak nikmat.

Malah, katanya, ramai lagi pekerja bawahan di jabatan kerajaan lain yang disenarai untuk diswastakan meminta supaya proses penswastaan dipercepatkan kerana mereka sedar hasil yang akan diperolehi.

"Jadi, kakitangan di jabatan yang sudah diswastakan ini hendaklah berasa bernasib baik, bersyukur dan berterima kasih. Tetapi orang yang macam eksekutif TNB nampaknya tidak ada langsung berterima kasih dengan nasib baik dia. Sebaliknya, pekerja biasa pula lebih bertanggungjawab," katanya kepada



**DR MAHATHIR**  
... selar sikap eksekutif

pemberita di rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti Gerakan di sini, semalam.

Jumaat lalu, kira-kira 300 daripada 1,200 ahli PET yang mengadakan piket di depan ibu pejabat Tenaga Nasional di sini turut memukul patung pengerusinya, Tan Sri Ani Arope; setiausaha syarikat, Mahmud Badri dan timbalannya, Azizah Osman, sebagai bantahan terhadap lembaga pengarah Tenaga Nasional.

Menurut Perdana Menteri, tindakan PET adalah



**DR ANI AROPE**  
... Pengerusi TNB

ganjil kerana eksekutif dalam mana-mana syarikat tidak berhak mengambil tindakan perusahaan.

"Eksekutif boleh berunding tetapi untuk menubuhkan satu persatuan bagi mengambil tindakan perusahaan, itu bukan hak eksekutif. Di mana-mana syarikat pun, eksekutif tidak ada hak itu.

"Ini ganjil sekali kerana eksekutif TNB nampaknya tidak faham mengenai hak mereka. Yang dia tahu, dia nak tuntutan. Kalau tak bagi, dia nak ambil tindakan perusahaan,"

katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau bimbang dengan tindakan itu kerana bekalan elektrik adalah perkhidmatan perlu yang tidak boleh dipermainkan.

Katanya, sesiapa pun boleh mengugat rakyat dengan menghalang bekalan elektrik untuk mendapatkan sesuatu tetapi cara itu akan menyebabkan pembangunan tidak dapat dilaksanakan.

"Kalau tidak ada elektrik, kita tidak boleh membangunkan negara dan akhirnya Tenaga Nasional akan mengalami kerugian. Kalau Tenaga Nasional rugi, pekerjaanya juga rugi.

"Saya tidak tahu berapa banyak keuntungan yang diperolehi kakitangan Tenaga Nasional berikutan pengswastaan. Tetapi nampaknya bila kita beri lebih banyak, ada orang yang buat masalah. Orang yang tak dapat apa-apa tak buat masalah pula," katanya.

Ditanya sama ada tindakan segelintir PET dianggap sebagai ugutan terhadap Tenaga Nasional, Perdana Menteri berkata: "Yalah, apa lagi. Ugutanlah."